


Disfagia

Masalah Proses Penelanan



Apakah Disfagia?



Disfagia adalah istilah perubatan untuk masalah proses penelanian

Disfagia boleh berlaku bila bila masa sahaja semasa permulaan, pertengahan atau di akhir proses penelanian:

- Mengunyah
- Pergerakkan makanan atau minuman ke dalam tekak
- Pergerakkan makanan dari mulut ke perut

Ini boleh menimbulkan masalah-masalah berikut:

- Makanan dan minuman termasuk ke dalam saluran pernafasan (aspiration)
- Jangkitan paru-paru
- Kekurangan zat nutrisi dan masalah dehidrasi (kekurangan air) dalam jangka masa panjang
- Kesan negatif pada mutu kehidupan

Tanda-tanda dan Gejala Disfagia:

- Makanan & minuman mengalir keluar daripada mulut ketika mengunyah
- Memerlukan lebih banyak masa untuk mengunyah dan menelan makanan/minuman
- Tersedak ketika makan atau minum
- Terbatuk-batuk semasa dan selepas makan atau minum
- Suara yang kedengaran seperti "basah" ketika makan
- Pertukaran diet, atau kehilangan selera makan
- Masa makan yang panjang
- Kekurangan berat badan

Penyebab Disfagia



Disfagia biasanya disebabkan oleh kelemahan atau kerosakkan otot atau saraf yang digunakan semasa proses menelan. Antara punca masalah ini adalah:

- Masalah neurologik (seperti penyakit Parkinson's, angin ahmar, dementia)
- Masalah pernafasan (seperti penyakit pulmonori obstruktif kronik)
- Kecederaan kepala
- Barah kepala dan/atau leher

Pemeriksaan Disfagia



Ahli terapi pertuturan boleh menilai dan merawat disfagia untuk menentukan cara pemakanan yang selamat. Satu sesi penilaian boleh mengambil masa sehingga satu jam dan merangkumi:

- Mengambil sejarah perubatan pesakit
- Menilai struktur otot-otot dan saraf saraf yang terlibat dalam process penelanan
- Menilai secara klinikal cara pesakit makan dan minum

Siasatan lanjut juga mungkin disarankan, seperti:

- Video Fluoroskopi (VFS)
- Pemeriksaan Endoskopik Gentian Optik bagi Penelanan (FEES)

Rawatan Disfagia



Selepas membuat penilaian yang rapi, ahli terapi pertuturan akan:

1. Membuat cadangan mengenai kekonsistinan makanan/ kepekatan minuman
2. Memberi nasihat tentang teknik atau cara bagi mengatasi masalah penelanan
3. Memulakan rancangan terapi untuk membantu pesakit untuk memulihkan fungsi menelan dengan sebaik mungkin

Matlamat rawatan disfagia adalah untuk mengurangkan risiko jangkitan paru-paru dari aspirasi dan meningkatkan qualiti kehidupan pesakit.

Kekerapan sesi terapi akan bergantung kepada keperluan pesakit masing-masing. Penglibatan anggota keluarga terdekat sangatlah disarankan untuk menjamin kejayaan rawatan.



Department of Rehabilitation — Speech Therapy Jabatan Pemulihan — Terapi Pertuturan

National University Hospital
5 Lower Kent Ridge Road, Singapore 119074
Website: www.nuh.com.sg

For appointments and general enquiries:
Tel: 6908 2222

The information provided in this publication is meant purely for educational purposes and may not be used as a substitute for medical diagnosis or treatment. You should seek the advice of your doctor or a qualified healthcare provider before starting any treatment or if you have any questions related to your health, physical fitness or medical conditions.

Information is correct at time of printing (December 2021) and subject to revision without prior notice.

Copyright 2021. National University Hospital
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced without permission in writing from the National University Hospital.